

BAB IV

BAB EMPAT

LAPORAN PENYELIDIKAN DAN ANALISA DATA

4.0 PENGENALAN

Semua hasil atau dapatan yang diperolehi oleh penulis sepanjang kajian yang telah dijalankan akan dikupas dengan sebaiknya dalam bab ini. Penulis akan menganalisa data berdasarkan set borang soal selidik yang diedarkan dalam Program Perkampungan Kekeluargaan seterusnya membincangkan segala penemuan yang diperolehi hasil daripada penganalisaan tersebut.

Data-data yang diperolehi dianalisa dengan menggunakan program “*Statistical Package for Social Science*” (S.P.S.S) versi 11.0. Hasil yang diperolehi dari borang soal selidik pertama menunjukkan *Alpha* 0.4912 dan *Standardized item alpha* pula ialah 0.4175.¹ Manakala hasil analisa data yang diperolehi dari borang soal selidik kedua bagi Bengkel Motivasi pula menunjukkan *Alpha* 0. 4098 dan *Standardized item alpha* pula ialah 0.5246². Bagi Kelas Agama dan Fardu ‘Ain (KAFA) pula menunjukkan *Alpha* 0. 3329 dan *Standardized item alpha* pula ialah 0.4227³. Data-data yang diperolehi dikemukakan dalam bentuk statistik deskriptif.

Menurut Alias Baba (1997),⁴ statistik deskriptif digunakan untuk memperihalkan keadaan data yang terdapat pada sampel kajian. Ia merupakan proses mengumpul data, membuat rumusan dan menyampaikan rumusan dalam bentuk yang mudah difahami oleh kumpulan sasaran.

¹ Lihat lampiran K.

² Lihat lampiran L.

³ Lihat lampiran M.

⁴ Alias Baba (1997), *Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan Dan Sains Sosial*, cet. ke.2, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 22.

Manakala Sidek Mohd Noah⁵ pula berpendapat statistik deskriptif bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematis mengenai fakta dan ciri-ciri populasi, bidang yang diminati secara fakta dan tepat. Oleh itu statistik deskriptif adalah memperihalkan keadaan data yang terdapat pada sampel bermula dari proses pengumpulan sehingga kepada rumusan dengan cara sistematis dan tepat.

4.1 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Jadual 4.1.1: Jantina Responden


Jantina	Kuantiti	Peratus
Lelaki	19	27.1
Perempuan	51	72.9
Jumlah	70	100%

Sumber: Soal selidik

Pelajar perempuan lebih ramai menyertai Program Perkampungan Kekeluargaan berbanding dengan pelajar lelaki. Ini terbukti apabila hasil analisa menunjukkan 72.9% (51 orang) responden adalah pelajar perempuan berbanding dengan pelajar lelaki hanya mencatat 27.1% (19 orang) responden sahaja.

⁵ Sidek Mohd.Noah (2000), *Reka Bentuk Penyelidikan, Falsafah, Teori dan Praktis*, Serdang: Universiti Putra Malaysia, hlm 46.


Rajah 4.1.1: Umur Responden



Sumber: Soal selidik

Responden yang berumur antara 22-24 tahun paling ramai menyertai Program Perkampungan Kekeluargaan iaitu sebanyak 48.6% (34 orang). Kemudian diikuti oleh pelajar yang berumur 20-21 tahun, 25 tahun ke atas dan 18-19 tahun yang mana masing-masing mewakili 37.1% (26 orang) responden, 8.6% (6 orang) responden dan 5.7% (4 orang) responden.

Rajah 4.1.2: Etnik Responden




Sumber: Soal selidik

Hasil analisa menunjukkan pelajar kaum Melayu mencatatkan jumlah tertinggi mengikut pecahan etnik iaitu sebanyak 85.7% (60 orang) responden berbanding dengan kaum Cina dan India masing-masing sebanyak 8.6% (6 orang) dan 5.7% (4 orang) responden yang melibatkan diri dalam Program Perkampungan Kekeluargaan ini.

Dalam mengendalikan pemerhatian ini penulis telah menemubual Timbalan Ketua Pengarah Program Perkampungan Kekeluargaan iaitu Saudari Rohana binti Mustapha yang menyatakan bahawa taburan yang tidak seimbang ini adalah disebabkan oleh populasi pelajar bumiputera adalah lebih ramai berbanding dengan pelajar bukan bumiputera. Tambahan pula lazimnya pada cuti semester pelbagai aktiviti turut dirancang oleh persatuan-persatuan lain. Apatah lagi program sebegini merupakan program tahunan yang sememangnya dianjurkan oleh kebanyakan persatuan dan kolej kediaman. Maka para pelajar berhak memilih aktiviti apakah yang mereka ingin ikuti.⁶

Rajah 4.1.3: Tahap Pengajian Responden



Sumber: Soal selidik

⁶ Temubual dengan Rohana binti Mustapha, Timbalan Ketua Pengarah Program Perkampungan Kekeluargaan pada 26 Oktober 2001, jam 5.35 petang di Pusat Kegiatan Guru, Sekolah Rendah Kebangsaan Damak, Jerantut.

Responden tahap pertengahan adalah paling ramai melibatkan diri dalam program ini iaitu sebanyak 40% (28 orang). Ini diikuti oleh responden tahap akhir iaitu 34.3% (24 orang) dan tahap awal yang mencatat 25.7% (18 orang) responden.

Jadual 4.1.2: Bidang Pengajian Responden

Bidang Pengajian	Kuantiti	Peratus
Sains	17	24.3
Sastera	23	32.9
Ikhtisas		
Sastera	30	42.9
Jumlah	70	100%


Sumber: Soal selidik

Daripada data yang diperolehi menunjukkan responden bidang Sastera mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 42.9% (30 orang) yang mengikuti Program Perkampungan Kekeluargaan. Kemudian diikuti oleh responden bidang Sastera Ikhtisas dan Sains iaitu masing-masing mencatatkan sebanyak 32.9% (23 orang) dan 24.3% (17 orang).

4.2 FAKTOR-FAKTOR PENDORONG PENGLIBATAN MAHASISWA DALAM PROGRAM PERKAMPUNGAN KEKELUARGAAN

I) Minat / Kehendak Sendiri

Rajah 4.2 (a): Penglibatan Mahasiswa Mengikut Minat / Kehendak Sendiri



Sumber: Soal selidik

Minat atau kehendak sendiri merupakan faktor utama yang mendorong penglibatan mahasiswa dalam Program Perkampungan Kekeluargaan. Ini terbukti apabila hasil analisa menunjukkan sebanyak 44.3% (31 orang) responden menyatakan sangat setuju berbanding dengan 41.4% (29 orang) responden bersetuju dan 14.3% (10 orang) sampel kurang setuju bahawa mereka melibatkan dalam program ini adalah berdasarkan minat atau kehendak sendiri sepenuhnya tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Jadual 4.2 (a): Taburan Silang Antara Jantina Dengan Penglibatan Mahasiswa Mengikut Minat / Kehendak Sendiri

		Minat			Jumlah
Jantina		Sangat Setuju	Bersetuju	Kurang Setuju	
	Lelaki	8	10	1	19
	Perempuan	23	19	9	51
Jumlah		31	29	10	70


Sumber: Soal selidik

Jadual di atas menerangkan taburan silang antara jantina dengan penglibatan mahasiswa mengikut minat atau kehendak sendiri. Didapati bahawa daripada 31 orang responden yang menyatakan sangat setuju iaitu terdiri daripada 23 orang adalah perempuan berbanding lelaki hanya seramai 8 orang. Manakala daripada 29 orang responden yang menyatakan bersetuju terdiri daripada 19 orang adalah perempuan berbanding 10 orang lelaki. Terdapat 9 orang responden perempuan menyatakan kurang setuju berbanding hanya seorang responden lelaki sahaja yang menyatakan kurang setuju bahawa mereka melibatkan diri dalam Program Perkampungan Kekeluargaan adalah atas dasar minat atau kehendak sendiri tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

Maka hasil analisa tersebut boleh dibuat kesimpulan bahawa daripada 60 orang responden yang bersetuju terdiri daripada 42 orang responden perempuan dan 18 orang responden lelaki. Selebihnya adalah responden yang menyatakan kurang setuju iaitu terdiri daripada 9 orang responden perempuan berbanding hanya seorang responden lelaki yang mana mereka melibatkan diri dalam program ini adalah atas dasar minat atau kehendak sendiri tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.

II) Pengaruh Rakan

Rajah 4.2 (b): Penglibatan Mahasiswa Mengikut Pengaruh Rakan



Sumber: Soal selidik

Di samping minat atau kehendak sendiri, penyertaan mahasiswa dalam Program Perkampungan Kekeluargaan turut didorong oleh pengaruh rakan. Walau bagaimanapun ini tidak bermaksud disebabkan pengaruh rakan secara menyeluruh yang mendorong responden turut serta dalam program ini. Hasil analisa menunjukkan taburan seimbang antara sangat tidak setuju dan kurang setuju iaitu masing-masing mencatat 34.3% (24 orang) responden dan 32.9% (23 orang) responden bahawa mereka melibatkan diri dalam program ini adalah kehendak sendiri tetapi pada masa yang sama turut didorong oleh pengaruh rakan walaupun sedikit. Dalam hal ini responden yang menjawab bersetuju pula mencatat 24.3% (17 orang) dan diikuti sangat setuju yang hanya mencatat 8.6% (6 orang) sahaja.

Jadual 4.2(b): Taburan Silang Antara Tahap Pengajian dengan Pengaruh Rakan

		Pengaruh Rakan				Jumlah
		Sangat Setuju	Bersetuju	Kurang Setuju	Sangat Tidak Setuju	
Tahap Pengajian	Awal	3	2	9	4	18
	Pertengahan	1	10	9	8	28
	Akhir	2	5	5	12	24
Jumlah		6	17	23	24	70

Sumber: Soal selidik

Setelah dianalisa didapati taburan silang antara tahap pengajian dengan penglibatan mahasiswa mengikut pengaruh rakan ialah daripada 6 orang responden yang menyatakan sangat setuju bahawa pengaruh rakan merupakan faktor pendorong mereka melibatkan diri dalam program ini adalah terdiri daripada 3 orang tahap awal, 2 orang tahap akhir dan seorang tahap pertengahan. Manakala daripada 17 orang responden yang menyatakan bersetuju pula terdiri daripada 10 orang tahap pertengahan berbanding hanya 5 orang dan 2 orang masing-masing dari tahap akhir dan awal. Seramai 23 orang responden menyatakan kurang setuju iaitu tahap awal dan pertengahan masing-masing seramai 9 orang berbanding tahap akhir hanya 5 orang. Berlainan pula yang menyatakan sangat tidak setuju iaitu terdiri daripada 12 orang dari tahap akhir, 8 orang tahap pertengahan dan 4 orang tahap awal yang menjadikan jumlah kesemuanya seramai 24 orang responden.

Secara kesimpulan daripada jadual tersebut boleh dirumuskan bahawa seramai 47 orang responden tidak bersetuju berbanding 23 orang responden menyatakan bersetuju bahawa mereka menyertai Program Perkampungan Kekeluargaan ini atas dasar minat atau kehendak sendiri tetapi pada masa yang sama turut didorong oleh pengaruh rakan walaupun sedikit.

Dalam melakukan pemerhatian, penulis telah menemubual responden untuk mendapatkan kepastian dalam hal ini. Responden pertama menyatakan beliau menyertai program ini adalah berlandaskan minat dan kehendak sendiri, tetapi pada masa yang sama turut didorong oleh ajakan rakan untuk sama-sama mengikuti program ini.⁷ Manakala responden kedua pula menyatakan beliau mengikuti program ini memang dipengaruhi oleh ajakan rakan untuk menghabiskan cuti semester. Tambahan pula beliau tidak pernah mengikuti aktiviti khidmat masyarakat.⁸


III) Kesedaran

Selain minat atau kehendak sendiri dan pengaruh rakan, kesedaran juga merupakan antara faktor pendorong mahasiswa menyertai Program Perkampungan Kekeluargaan ini. Setelah dianalisa didapati peratusan sangat setuju mencatat jumlah tertinggi iaitu 61.4% (57 orang) responden diikuti oleh bersetuju dan kurang bersetuju iaitu masing-masing 37.1% (26 orang) responden dan 1.4% (1 orang) responden yang mengikuti program ini adalah atas kesedaran bahawa peranan mahasiswa sebagai perantara dan saluran dalam menghubungkan masyarakat dengan pihak pentadbiran. Perkara ini dapat dijelaskan dalam rajah sebelah.

⁷ Temubual secara informal dengan Nur Aisyah bt. Mohd.Amin, peserta Program Perkampungan Kekeluargaan pada 26 Oktober 2001, jam 4.15 petang di Kampung Damak, Mukim Ulu Cheka, Jerantut.

⁸ Temubual secara informal dengan Rabiatul Adawiyah binti Abdul Manaf, peserta Program Perkampungan Kekeluargaan pada 26 Oktober 2001, jam 4.15 petang di Kampung Damak, Mukim Ulu Cheka, Jerantut.

Rajah 4.2 (c) Penglibatan Mahasiswa Mengikut Kesedaran



Sumber: Soal selidik

Jadual 4.2 (c): Taburan Silang Antara Bidang Pengajian Dengan Kesedaran

		Kesedaran			Jumlah
		Sangat Setuju	Bersetuju	Kurang Setuju	
Bidang Pengajian	Sastera	24	6		30
	Sains	9	7	1	17
	Sastera Ikhtisas	10	13		23
	Jumlah	43	26	1	70

Sumber: Soal selidik

Jadual di atas menunjukkan taburan silang antara bidang pengajian dengan penglibatan mahasiswa atas dasar kesedaran peranan mereka sebagai perantara dan saluran dalam menghubungkan masyarakat dengan pihak pentadbiran. Didapati daripada 43 orang responden yang menyatakan sangat setuju bahawa kesedaran merupakan faktor pendorong mereka melibatkan diri dalam program ini adalah terdiri daripada 24 dari bidang Sastera berbanding 10 orang responden dari aliran Sastera Ikhtisas dan 9 orang responden dari bidang Sains. Manakala daripada 26 orang

responden yang menyatakan bersetuju pula terdiri daripada 13 orang dari bidang Sastera Ikhtisas berbanding hanya 7 orang dan 6 orang masing-masing dari aliran Sains dan Sastera. Hanya terdapat seorang responden sahaja menyatakan kurang setuju iaitu sampel dari bidang Sains.


Kesimpulan yang boleh dibuat berdasarkan jadual di atas ialah seramai 69 orang daripada 70 orang responden bersetuju bahawa kesedaran peranan mahasiswa sebagai perantara dan saluran dalam menghubungkan masyarakat dengan pihak pentadbiran merupakan faktor pendorong mahasiswa melibatkan diri dalam Program Perkampungan Kekeluargaan ini.

IV) Kemiskinan

Keinginan untuk melihat sendiri secara realiti suasana dan masalah kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat luar bandar merupakan antara faktor mahasiswa ingin mencurah bakti dan melibatkan diri dalam Program Perkampungan Kekeluargaan. Ini terbukti apabila hasil analisa menunjukkan sebanyak 81.4% (57 orang) responden sangat setuju berbanding dengan 17.1% (12 orang) responden bersetuju dan 1.4% (1 orang) responden menyertai program ini atas dasar tersebut. Rajah di sebelah menerangkan perihal tersebut:

Rajah 4.2(d): Penglibatan Mahasiswa Untuk Melihat Secara Realiti Masalah

Kemiskinan Masyarakat di Luar Bandar



Sumber: Soal selidik

Jadual 4.2(d): Taburan Silang Antara Etnik Dengan Kemiskinan Masyarakat di Luar Bandar

		Kemiskinan Masyarakat di Luar Bandar			Jumlah
Etnik	Melayu	Sangat Setuju	Bersetuju	Kurang Setuju	
Etnik	Melayu	49	10	1	60
	Cina	5	1		6
	India	3	1		4
	Jumlah	57	12	1	70

Sumber: (Soal selidik)

Hasil analisa terhadap taburan silang antara etnik dengan penglibatan mahasiswa atas dasar kemiskinan masyarakat di luar bandar mendapat daripada 57 orang responden yang menyatakan sangat setuju adalah terdiri daripada 49 orang bangsa Melayu berbanding 5 orang dan 3 orang responden yang masing-masing dari pecahan etnik Cina dan India bahawa faktor kemiskinan merupakan pendorong mereka

melibatkan diri dalam program ini. Manakala daripada 12 orang responden yang menyatakan bersetuju pula terdiri daripada 10 orang responden berbangsa Melayu berbanding hanya seorang masing-masing dari kelompok etnik Cina dan India. Hanya seorang responden sahaja dari etnik Melayu menyatakan kurang setuju.

Kesimpulan daripada jadual tersebut didapati bahawa seramai 69 orang responden bersetuju berbanding seorang responden kurang setuju bahawa mereka menyertai program ini adalah atas kesedaran sendiri untuk melihat secara realiti suasana dan permasalahan kemiskinan yang sentiasa dikaitkan dengan masyarakat luar bandar dalam pembangunan negara.

4.3 TAHAP KEPUASAN TERHADAP AKTIVITI-AKTIVITI DALAM PROGRAM PERKAMPUNGAN KEKELUARGAAN

1).Bengkel Motivasi

Jadual 4.3 (a): Tahap Kepuasan Terhadap Bengkel Motivasi

Tahap Kepuasan	Kuantiti	Peratus
Amat memuaskan	21	30.0
Memuaskan	43	61.4
Kurang memuaskan	6	8.6
Jumlah	70	100 %


Sumber: Soal selidik

Bengkel Motivasi yang disasarkan kepada para pelajar sekolah adalah memuaskan apabila sebanyak 61.4% (43 orang) responden menyatakan sedemikian. Manakala sebanyak 30% (21 orang) dan 8.6% (6 orang) responden pula berpendapat amat memuaskan dan kurang memuaskan tahap kepuasan terhadap Bengkel Motivasi yang diadakan di beberapa buah sekolah di Mukim Ulu Cheka, Jerantut.

II).Kelas Agama dan Fardu ‘Ain (KAFA)

Peratusan responden terhadap tahap kepuasan aktiviti Kelas Agama dan Fardu ‘Ain (KAFA) ialah sebanyak 52.9% (37 orang) responden menyatakan memuaskan berbanding 30% (21 orang) responden berpendapat amat memuaskan. Manakala 2.9% (2 orang) responden pula menyatakan tahap kepuasan terhadap aktiviti ini kurang memuaskan. Selebihnya iaitu 14.3% (10 orang) responden menyatakan berkecuali kerana mereka adalah non-muslim. Perkara ini dapat dijelaskan lebih terperinci seperti rajah di bawah:

Rajah 4.3 (a): Tahap Kepuasan Terhadap Kelas Agama dan Fardu ‘Ain (KAFA)



Sumber: Soal selidik

Jadual 4.3 (b): Taburan Silang Antara Etnik Dengan Tahap Kepuasan Terhadap KAFA

KAFA

		KAFA				Jumlah
		Amat memuaskan	memuaskan	Kurang memuaskan	Berkecuali	
Etnik	Melayu	21	37	2		60
	Cina				6	6
	India				4	4
Jumlah		21	37	2	10	70


Sumber: Soal selidik

Hasil analisa terhadap taburan silang antara etnik dan tahap kepuasan terhadap KAFA menunjukkan bahawa 60 responden adalah pelajar Melayu berbanding hanya 10 orang sahaja responden non-muslim yang terdiri 6 orang berbangsa Cina dan 4 orang berbangsa India. Didapati daripada 60 orang responden Melayu itu, 37 orang menyatakan memuaskan, 21 orang menjawab amat memuaskan dan 2 orang berpendapat kurang memuaskan tahap kepuasan terhadap pengisian aktiviti KAFA ini. Manakala kesemua responden non-muslim ini berpendirian berkecuali kerana tidak turut serta mengikuti aktiviti ini.

III). Pameran dan Jualan

Bagi aktiviti Pameran dan Jualan pula didapati sebanyak 57.1% (40 orang) responden menyatakan memuaskan berbanding 35.7% (25 orang) responden berpendapat kurang memuaskan perlaksanaan aktiviti ini. Manakala 4.3% (3 orang) responden pula menyatakan amat memuaskan berbanding 2.9% (2 orang) responden berpendapat kurang memuaskan perlaksanaan aktiviti ini. Gambaran yang lebih jelas dinyatakan seperti rajah berikut:

Rajah 4.3 (b): Tahap Kepuasan Terhadap Pameran dan Jualan



Sumber: soal selidik

IV). Sukaneka

Jadual 4.3 (c): Tahap Kepuasan Terhadap Sukaneka

Tahap Kepuasan	Kuantiti	Peratus
Amat memuaskan	5	4.3
Memuaskan	39	57.1
Kurang memuaskan	24	35.7
Tidak memuaskan	2	2.9
Jumlah	70	100%

Sumber: Soal selidik

Aktiviti Sukaneka yang disediakan untuk semua lapisan masyarakat turut mendapat sambutan yang memuaskan dari mahasiswa dan masyarakat. Ini dapat dilihat dari hasil analisa yang mendapat 55.7% (39 orang) responden menyatakan memuaskan berbanding 34.3% (24 orang) responden menyatakan kurang memuaskan. Manakala 7.1% (5 orang) responden dan 2.9% (2 orang) responden masing-masing berpendapat amat memuaskan dan tidak memuaskan tahap kepuasan terhadap aktiviti Sukaneka ini.

V). Kenduri Sekampung

Rajah 4.3 (f): Tahap Kepuasan Terhadap Kenduri Sekampung



Sumber: Soal selidik


Carta *Area* tersebut menjelaskan bahawa 65.7% (46 orang) responden menyatakan memuaskan. Manakala sebanyak 22.9% (16 orang) responden dan 11.4% (8 orang) responden masing-masing menyatakan amat memuaskan dan kurang memuaskan tahap kepuasan terhadap Kenduri Sekampung yang merupakan antara pengisian aktiviti yang dilaksanakan dalam Program Perkampungan Kekeluargaan.

VI). Gotong-royong

Gotong-royong merupakan antara aktiviti yang dilaksanakan dalam Program Perkampungan Kekeluargaan yang mendapat sambutan yang memberangsang dan memuaskan baik dari mahasiswa maupun masyarakat. Hal ini terbukti apabila hasil analisa mendapati sebanyak 57.1% (40 orang) responden berpendapat tahap kepuasan terhadap pengisian aktiviti ini adalah memuaskan diikuti 35.7% (25 orang) responden menyatakan amat memuaskan. Sementara itu hanya 7.1% (5 orang) responden sahaja

menyatakan perlaksanaan aktiviti ini kurang memuaskan. Carta di bawah menerangkan hal ini.


Rajah 4.3 (d): Tahap Kepuasan Terhadap Gotong-royong



Sumber: Soal selidik

VII). Forum Perdana

Rajah 4.3(e): Tahap Kepuasan Terhadap Forum Perdana




Sumber: Soal selidik

Forum Perdana yang diadakan sempena sambutan Isra' Mi'raj di Masjid Tengku Mahkota Jerantut didapati memuaskan apabila 37.1% (26 orang) responden menyatakan sedemikian. Manakala 34.3% (24 orang) responden berpendapat kurang memuaskan berbanding 14.3% (10 orang) responden menyatakan amat memuaskan. Selebihnya 14.3% (10 orang) responden berpendirian berkecuali kerana mereka adalah pelajar non-muslim dan tidak mengikuti aktiviti ini. Sebaliknya semasa aktiviti dijalankan pelajar non-muslim ini diberi kebebasan untuk bersama-sama keluarga angkat masing-masing.

VIII). Ziarah dan Ramah Mesra

Rajah 4.3 (f): Tahap Kepuasan Terhadap Ziarah dan Ramah Mesra




Sumber: Soal selidik

Berdasarkan Carta Garis tersebut didapati responden yang menilai aktiviti Ziarah dan Ramah Mesra adalah memuaskan mencatat jumlah tertinggi iaitu 67.1% (47 orang) responden berbanding hanya 27.1% (19 orang) responden sahaja berpendapat amat memuaskan. Kemudian diikuti oleh responden yang menjawab kurang memuaskan

dan tidak memuaskan pengisian aktiviti ini iaitu masing-masing mencatat 4.3% (3 orang) responden dan 1.4% (seorang) responden.

IX). Malam Seribu Kenangan

Rajah 4.3 (g): Tahap Kepuasan Terhadap Malam Seribu Kenangan



Sumber: Soal selidik

Malam Seribu Kenangan merupakan aktiviti terakhir yang diatur dalam Program Perkampungan Kekeluargaan di Mukim Ulu Cheka. Hasil analisa mendapat daripada 70 orang responden, sebanyak 45.7% (32 orang) menyatakan tahap kepuasan terhadap aktiviti ini adalah memuaskan. Manakala responden yang menilai pengisian aktiviti Malam Seribu Kenangan kurang memuaskan dan tidak memuaskan menunjukkan taburan seimbang iaitu masing-masing mencatat 25.7% (18 orang) responden. Selebihnya iaitu 2.9% (2 orang) responden sahaja berpendapat pengisian aktiviti Malam Seribu Kenangan amat memuaskan.

Maka secara kesimpulan sambutan terhadap keseluruhan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam Program Perkampungan Kekeluargaan ini adalah berada pada tahap memuaskan. Hal ini kerana kesemua aktiviti yang dijalankan adalah menepati objektif program yang inginkan interaksi dua hala antara mahasiswa dan masyarakat terbabit. Tambahan pula aktiviti-aktiviti yang diatur adalah untuk bersesuaian untuk semua lapisan masyarakat tanpa mengira umur atau jantina maupun agama dan bangsa.⁹


4.4 KEBERKESANAN PROGRAM PERKAMPUNGAN KEKELUARGAAN TERHADAP MAHASISWA

Walaupun secara keseluruhan boleh dikatakan sambutan terhadap pengisian aktiviti-aktiviti dalam Program Perkampungan Kekeluargaan memuaskan, namun untuk mengetahui adakah program ini benar-benar berjaya menepati objektif program maka perlu dilihat sejauhmanakah keberkesanannya kepada mahasiswa dan masyarakat terbabit.

⁹ Temubual dengan Siti Musliha bt. Md. Noor, Ketua Setiausaha Eksekutif Program Perkampungan Kekeluargaan pada 27 Oktober 2001 jam 11.50 pagi, bertempat di Padang Kampung Koi ketika Majlis Perasmian Penutup.

I) Persediaan Untuk Kehidupan Bermasyarakat Kelak

Rajah 4.4 (a): Persediaan Untuk Kehidupan Bermasyarakat Kelak



Sumber: Soal selidik

Pengalaman melibatkan diri dalam Program Perkampungan Kekeluargaan ini telah memberi keberkesanan yang mendalam terhadap mahasiswa. Antaranya ialah dapat dijadikan sebagai persediaan untuk kehidupan bermasyarakat kelak setelah tamat belajar. Hasil analisa menunjukkan daripada 70 orang responden didapati 61.4% (43 orang) menyatakan sangat bersetuju diikuti 38.6% (27 orang) bersetuju bahawa pengalaman mengikuti Program Perkampungan Kekeluargaan ini dapat dijadikan sebagai persediaan awal untuk kehidupan bermasyarakat kelak.

Semasa mengendalikan pemerhatian, penulis telah menemubual responden secara informal untuk mengetahui sejauhmanakah keberkesanan disebalik pengisian aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan terutamanya gotong-royong, kenduri sekampung, ziarah dan ramah mesra, sukaneka dan malam seribu kenangan. Dalam hal ini responden pertama menyatakan dengan menyertai aktiviti-aktiviti tersebut telah memberi peluang kepada mahasiswa dan masyarakat kampung bekerjasama, bertolak ansur dan saling menghormati antara satu sama lain dalam menjayakan sesuatu aktiviti

agar dapat dilaksanakan sebaik mungkin.¹⁰ Manakala responden kedua pula menyatakan melalui aktiviti-aktiviti ini juga mendorong semangat muhibbah, tolong-menolong dan persefahaman antara mahasiswa dan masyarakat sekaligus dapat mewujudkan interaksi dua hala kedua-dua pihak. Di samping itu juga mahasiswa dapat mengetahui bagaimakah kehidupan sebenar di luar bandar sekaligus melatih mereka untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat luar.¹¹

Kenyataan ini disokong oleh Presiden MPMUM yang mana dalam ucapannya menyatakan bahawa mahasiswa merupakan golongan yang bakal menerajui negara pada masa akan datang. Oleh itu seharusnya mahasiswa menyiapkan diri dengan pelbagai kemahiran supaya apa yang akan ditonjolkan kepada masyarakat kelak tidak cacat. Justeru itu satu pendekatan yang difikirkan penting untuk diterapkan ke dalam jiwa setiap mahasiswa ialah pendedahan kepada kehidupan bermasyarakat termasuklah cara berpakaian, pertuturan, perwatakan dan sebagainya.¹²


¹⁰ Temubual secara informal dengan Nur Aisyah bt. Mohd Amin, peserta Program Perkampungan Kekeluargaan, pada 26 Oktober 2001 jam 4.15 petang di Kampung Damak, Mukim Ulu Cheka, Jerantut.

¹¹ Temubual secara informal dengan Azlina bt. Ismon, peserta Program Perkampungan Kekeluargaan, pada 26 Oktober 2001 jam 4.15 petang di Kampung Damak, Mukim Ulu Cheka, Jerantut.

¹² Ucapan oleh Saudara Ahmad Fuad bin Ikhwan, Presiden MPMUM sesi 2000/2001 di Majlis Perasmian Pembukaan Program Perkampungan Kekeluargaan pada 21 Oktober 2001, jam 3.25 petang bertempat di Sekolah Menengah Kebangsaan Damak, Jerantut.

II) Melatih Mahasiswa Berorganisasii

Rajah 4.4(b): Melatih Mahasiswa Berorganisasii



Sumber: Soal selidik.


Penglibatan mahasiswa dalam Program Perkampungan Kekeluargaan ini juga memberi pendedahan awal sekaligus melatih mereka cara berorganisasi dengan lebih baik. Hal ini ternyata apabila 71.4% (50 orang) responden menyatakan sangat setuju dan diikuti 28.6% (20 orang) responden bersetuju bahawa melalui program ini dapat melatih mahasiswa berorganisasii dengan lebih baik untuk persediaan sebagai pemimpin kelak.

Menurut Siti Musliha bt. Md.Noor, selaku Ketua Setiausaha Eksekutif Program Perkampungan Kekeluargaan, menyatakan bahawa dengan melibatkan diri dalam program sebegini mahasiswa dapat memupuk semangat kesatuan, bekerjasama, toleransi dan hormat-menghormati antara satu sama lain sepanjang mengendalikan gerakkerja program. Di samping itu ia dapat meningkatkan potensi diri yang pastinya tidak dapat diperolehi semasa proses pembelajaran di dewan kuliah. Maka peluang sebegini amat berguna kepada mahasiswa untuk menimba pengalaman dan

memperlengkapkan diri sebagai pemimpin dan bakal membentuk generasi dan masyarakat masa hadapan.¹³

III) Mendekatkan Diri Mahasiswa Dengan Masyarakat

Rajah 4.4(c): Mendekatkan Diri Mahasiswa Dengan Masyarakat



Sumber: Soal selidik

Melalui penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kemasyarakatan ini juga sebenarnya dapat mendekatkan diri mahasiswa dengan masyarakat. Ini terbukti apabila terdapat 72.9% (51 orang) responden menyatakan sangat bersetuju berbanding 27.1% (19 orang) responden bersetuju dalam hal ini.


Ini kerana dengan menyertai Program Perkampungan Kekeluargaan, mahasiswa dapat membentuk interaksi yang baik antara mahasiswa dan masyarakat setempat dalam membentuk etika moral yang sempurna. Di samping itu ia juga dapat mendedahkan mahasiswa terhadap permasalahan pembangunan negara dan menambah kesedaran serta

¹³ Temubual dengan Siti Musliha bt. Md. Noor, Ketua Setiausaha Eksekutif Program Perkampungan Kekeluargaan pada 27 Oktober 2001 jam 11.50 pagi bertempat di Padang Kampung Koi ketika Majlis Perasmian Penutup.

keprihatinan mahasiswa terhadap masyarakat yang memerlukan pembelaan sewajarnya.¹⁴ Pengalaman bercampur gaul dengan penduduk kampung telah memberi gambaran sebenar mengenai kehidupan masyarakat di luar bandar.

IV) Mendalami Masalah Masyarakat Setempat

Rajah 4.4 (d): Mendalami Masalah Masyarakat Setempat



Sumber: Soal selidik

Apabila mahasiswa menyertai Program Perkampungan Kekeluargaan ini mereka juga dapat mengenalpasti dan menyelami masalah yang dihadapi oleh masyarakat setempat. Ini kerana pengalaman sepanjang tinggal bersama keluarga angkat masing-masing, mahasiswa dapat melihat sendiri realiti segala permasalahan yang timbul dan dihadapi oleh masyarakat baik dari aspek ekonomi, sosial, pendidikan, akhlak, didikan agama dan sebagainya. Hasil analisa mendapati sebanyak 88.6% (62 orang) responden sangat bersetuju berbanding 7.1% (5 orang) responden dan 4.3% (3 orang) responden masing-masing menyatakan bersetuju dan kurang bersetuju bahawa melalui program ini dapat melatih mahasiswa untuk mendalami masalah yang dihadapi oleh masyarakat setempat.

¹⁴ Ibid.

Sepanjang pemerhatian penulis mengikuti program ini selama seminggu, penulis berpendapat tempoh itu sudah memadai untuk mahasiswa mengenalpasti dan melihat sendiri realiti permasalahan yang wujud dalam masyarakat terbabit walaupun secara kasar. Ini amat penting kerana antara program ini diadakan adalah untuk menyelami masalah-masalah yang wujud di dalam masyarakat yang dahagakan pembelaan sejagat. Bertepatan pula dengan peranan mahasiswa sebagai perantara dan saluran di dalam menghubungkan masyarakat dengan pihak pentadbiran kerajaan. Ini amat penting kerana ketika program dijalankan sudah pasti pihak pentadbiran turut serta untuk menjayakannya.

Hal ini terbukti apabila Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin al-Mu'adzam Shah yang berkenan untuk mencemar duli bersama-sama Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Adnan Yaakob dan barisan exco negeri Pahang untuk meninjau perjalanan program ini. Secara tidak langsung melalui kunjungan tersebut pihak pentadbiran negeri dapat melihat dan mendengar sendiri permasalahan yang timbul di kalangan masyarakat Mukim Ulu Cheka, Jerantut yang mengharapkan segala masalah yang dihadapi dapat diatasi dengan sebaik mungkin.

4.5. KEBERKESANAN PROGRAM PERKAMPUNGAN KEKELUARGAAN TERHADAP MASYARAKAT

I) Bengkel Motivasi

A) Latar Belakang Responden

Jadual 4.5 (a): Jantina Responden

Jantina	Kuantiti	Peratus
Lelaki	20	50.0
Perempuan	20	50.0
Jumlah	40	100%


Sumber: Soal selidik

Bengkel Motivasi merupakan aktiviti yang dilaksanakan untuk pelajar-pelajar sekolah dalam Program Perkampungan Kekeluargaan ini. Hasil analisa menunjukkan taburan seimbang antara responden lelaki dan perempuan yang terlibat dalam aktiviti ini iaitu masing-masing sebanyak 50% (20 orang).

4.5 (a): Agama Responden


Hasil analisa menunjukkan pelajar yang beragama Islam paling ramai mengikuti Bengkel Motivasi iaitu sebanyak 80.0% (32 orang) responden. Manakala responden beragama Buddha dan Hindu pula masing-masing menunjukkan taburan seimbang iaitu mencatat 7.5% (3 orang) berbanding pelajar yang beragama Kristian hanya sebanyak 5.0% (2 orang) responden sahaja. Perihal tersebut dapat dijelaskan seperti rajah di sebelah.

Rajah 4.5 (a): Agama Responden



Sumber: Soal selidik

Rajah 4.5 (b): Etnik Responden



Sumber: Soal selidik

Pelajar-pelajar yang menyertai Bengkel Motivasi adalah terdiri dari pelbagai kaum sejajar dengan objektif program yang ingin memupuk integrasi dan perpaduan kaum yang berbilang. Didapati pelajar Melayu paling ramai menyertai bengkel ini iaitu sebanyak 80.0% (32 orang) responden. Manakala pelajar Cina dan India pula masing-masing hanya mencatat 12.5% (5 orang) responden dan 7.5% (3 orang) responden.

Jadual 4.5 (b): Peringkat Pendidikan Responden

Peringkat Pendidikan	Kuantiti	Peratus
Sekolah Rendah	10	25.0
Sekolah Menengah	30	75.0
Jumlah	40	100%

Sumber: Soal selidik

Sebanyak 75% (30 orang) responden dari Sekolah Menengah telah menyertai Bengkel Motivasi berbanding peserta dari Sekolah Rendah iaitu sebanyak 25% (10 orang) responden.

Jadual 4.5 (c): Tahap Pendidikan Responden

Tahap Pendidikan	Kuantiti	Peratus
Darjah 5 dan 6	10	25.0
Tingkatan 1 dan 2	20	50.0
Tingkatan 4	10	25.0
Jumlah	40	100%


Sumber: Soal selidik

Pelajar-pelajar tingkatan 1 dan 2 adalah sebahagian peserta yang melibatkan diri dalam Bengkel Motivasi ini iaitu sebanyak 50% (20 orang) responden. Sebahagian lagi adalah pelajar darjah 5 dan 6 dan tingkatan 4 menunjukkan taburan seimbang iaitu masing-masing sebanyak 25% (10 orang) responden.

B) Pandangan Pelajar Terhadap Tahap Keberkesanan Perlaksanaan Bengkel Motivasi

i) Perlaksanaan Bengkel Motivasi

Rajah 4.5 (c): Perlaksanaan Bengkel Motivasi



Sumber: Soal selidik

Setelah dianalisa didapati sebanyak 75% (30 orang) responden menyatakan sangat baik tahap perlaksanaan Bengkel Motivasi ini. Kemudian diikuti sebanyak 17.5% (7 orang) responden dan 7.5% (3 orang) responden iaitu masing-masing berpendapat tahap perlaksanaan aktiviti ini adalah baik dan sederhana sahaja.

ii) Hubungan Antara Responden Dengan Fasilitator

Jadual 4.5 (d): Hubungan Antara Responden Dengan Fasilitator

Penilaian	Kuantiti	Peratus
Sangat Baik	21	52.5
Baik	15	37.5
Sederhana	4	10.0
Jumlah	40	100%

Sumber: Soal selidik

Dalam memastikan Bengkel Motivasi ini benar-benar berkesan, maka sejauhmana hubungan atau interaksi antara responden dengan fasilitator yang terdiri dari kalangan mahasiswa sendiri memainkan peranan penting agar kedua-dua pihak dapat menerapkan pendekatan memberi dan menerima (*give and take*) dengan sebaiknya. Ini terbukti apabila sebanyak 52.5% (21 orang) responden menyatakan sangat baik hubungan antara responden dengan fasilitator sepanjang menjayakan aktiviti ini. Manakala sebanyak 37.5% (15 orang) responden menyatakan baik diikuti 10% (4 orang) responden berpendapat sederhana hubungan atau interaksi antara responden dengan fasilitator.

Interaksi yang baik antara pelajar dengan fasilitator adalah penting kerana dari situlah mahasiswa dapat mendekatkan diri dengan pelajar sekaligus dapat mengenalpasti masalah-masalah pendidikan dan akhlak dan sosial yang timbul dari kalangan pelajar luar bandar.¹⁵

iii) Penilaian Responden Terhadap Fasilitator

Jadual 4.5 (e): Penilaian Responden Terhadap Fasilitator

Penilaian	Kuantiti	Peratus
Sangat Baik	27	67.5
Baik	13	32.5
Jumlah	40	100%

Sumber: Soal selidik


Interaksi antara responden dengan fasilitator ini dapat diukur berdasarkan sejauhmana fasilitator berjaya mengendalikan aktiviti ini. Hasil analisa menunjukkan 67.5% (27 orang) responden menyatakan sangat baik berbanding 32.5% (13 orang) responden menyatakan baik bahawa fasilitator berjaya mengendalikan Bengkel

¹⁵ Temubual dengan Siti Asmad Bt. Zakarni, Timbalan Pengarah Eksekutif 2 Program Perkampungan Kekeluargaan, pada 22 Oktober 2001 jam 10.15 pagi di Sekolah Menengah Kebangsaan Damak, Jerantut.

Motivasi ini dan menepati objektif program yang mementingkan pembentukan sahsiah pelajar cemerlang dan berakhhlak mulia.

iv) Penilaian Terhadap Ceramah Motivasi

Rajah 4.5 (d): Penilaian Terhadap Ceramah Motivasi




Sumber: Soal selidik

Antara pengisian aktiviti dalam Bengkel Motivasi ialah ceramah motivasi yang menekankan kepentingan pelajaran di samping usaha pembentukan sahsiah pelajar yang berakhhlak dan berdisiplin. Hasil analisa menunjukkan sebanyak 67.5% (27 orang) responden menyatakan ceramah motivasi yang disampaikan adalah sangat baik. Kemudian diikuti sebanyak 27.5% (11 orang) responden menyatakan baik dan 5% (2 orang) responden sahaja berpendapat sederhana terhadap penyampaian ceramah motivasi ini.

v) Penilaian Terhadap Latihan Dalam Kumpulan (LDK)

Rajah 4.5 (e): Penilaian Terhadap Latihan Dalam Kumpulan (LDK)



Sumber: soal selidik

Untuk memastikan Bengkel Motivasi ini benar-benar memberi keberkesanannya kepada para pelajar, maka Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dengan membentuk kumpulan-kumpulan kecil di bawah pengawasan seorang fasilitator bagi setiap kumpulan telah dibentuk. Pembentukan LDK adalah penting untuk mewujudkan interaksi yang baik dan mesra antara fasilitator dengan responden dan sesama responden sendiri. Sehubungan itu para fasilitator telah menitikberatkan kaedah-kaedah bimbingan yang lebih mesra pelajar untuk menerapkan disiplin dan akhlak terpuji dalam diri mereka. Ini terbukti apabila hasil analisa menunjukkan 42.5% (17 orang) responden menyatakan pengendalian LDK adalah sangat baik dan diikuti sebanyak 50% (20 orang) responden menyatakan baik. Manakala 5% (2 orang) responden dan 2.5% (1 orang) responden masing-masing menyatakan sederhana dan lemah terhadap pengendalian LDK.

vi) Manfaat Yang Diperolehi Melalui Bengkel Motivasi

Jadual 4.5 (f): Manfaat Yang Diperolehi Melalui Bengkel Motivasi

Manfaat	Kuantiti	Peratus
Menyuntik semangat untuk belajar lebih bersungguh-sungguh bagi mencapai kejayaan	12	30.0
Dapat penjelasan yang lebih mendalam peluang melanjutkan pelajaran ke universiti	6	15.0
Mempelajari teknik-teknik belajar yang sistematis	12	30.0
Dapat memupuk kesedaran bahawa pentingnya pelajaran untuk masa depan	10	25.0
Jumlah	40	100%

Sumber: Soal selidik

Terdapat pelbagai manfaat atau kebaikan terhadap pelajar yang diperolehi setelah menyertai Bengkel Motivasi ini. Ini terbukti apabila hasil analisa menunjukkan sebanyak 30% (12 orang) responden menyatakan melalui aktiviti ini ia dapat menyuntik semangat pelajar untuk belajar lebih bersungguh-sungguh bagi mencapai kejayaan. Di samping itu melalui Bengkel Motivasi ini juga para pelajar dapat mempelajari teknik-teknik belajar yang sistematis iaitu sebanyak 30% (12 orang) responden menyatakan sedemikian. Sebahagian lagi iaitu 25% (10 orang) responden dan 15% (6 orang) responden pula masing-masing menyatakan melalui bengkel ini mereka dapat memupuk kesedaran bahawa pentingnya pelajaran untuk masa depan di samping penjelasan yang lebih mendalam mengenai peluang melanjutkan pelajaran ke menara gading.

vii) Lebih Berkeyakinan Untuk Berjaya Dalam Pelajaran Dan Masa

Hadapan Setelah Mengikuti Bengkel Motivasi

Jadual 4.5 (g): Adakah Anda Lebih Berkeyakinan Untuk Berjaya Dalam Pelajaran Dan Masa Hadapan Setelah Mengikuti Bengkel Motivasi ?

Jawapan	Kuantiti	Peratus
Ya	40	100
Tidak	-	-
Jumlah	40	100%

Sumber: Soal selidik

Setelah mengikuti Bengkel Motivasi ini para pelajar merasakan lebih berkeyakinan untuk berjaya dalam pelajaran dan masa hadapan. Ini terbukti apabila kesemua responden iaitu 100% (40 orang) menyatakan ya dalam hal ini.

viii) Sebab Menyokong Jawapan Tersebut

Jadual 4.5 (h): Sebab Menyokong Jawapan Tersebut

Sebab	Kuantiti	Peratus
Dapat mengenal pasti dan membaiki kelemahan diri dalam pelajaran dan disiplin	10	25.0
Lebih bersemangat untuk belajar	11	27.5
Mendapat dorongan dan nasihat yang membina dari fasilitator	12	30.0
Menyedari pentingnya pendidikan untuk masa hadapan	7	17.5
Jumlah	40	100%

Sumber: Soal selidik

Antara sebab atau alasan mereka berpendapat sedemikian ialah para pelajar mendapat dorongan dan nasihat yang membina dari fasilitator yang mana sebanyak 30% (12 orang) responden menyatakannya. Manakala sebanyak 27.5% (11 orang) responden pula menyatakan mereka lebih berkeyakinan untuk berjaya setelah mengikuti bengkel ini kerana mereka merasa lebih bersemangat untuk belajar. Kemudian diikuti sebanyak 25% (10 orang) responden dan 17.5% (7 orang) responden iaitu masing-masing menyatakan mereka dapat mengenal pasti dan membaiki kelemahan diri dalam pelajaran dan disiplin di samping menyedari betapa pentingnya pendidikan untuk masa hadapan.

ix) Keberkesanan Bengkel Motivasi Terhadap Pelajar

Jadual 4.5 (i): Keberkesanan Bengkel Motivasi Terhadap Pelajar

Keberkesanan	Kuantiti	Peratus
Lebih bersemangat untuk berjaya	10	25.0
Kesedaran untuk mengubah sikap dan tingkah laku sebagai seorang pelajar yang berakhhlak mulia	16	40.0
Lebih berkeyakinan dengan diri sendiri untuk mendapat kejayaan	14	35.0
Jumlah	40	100%

Sumber: Soal selidik

Untuk mengetahui adakah Bengkel Motivasi ini berjaya dilaksanakan, maka ia boleh diukur berdasarkan sejauhmanakah keberkesanan dapat diperolehi oleh para pelajar yang terlibat. Hasil analisa menunjukkan paling ramai responden menyatakan melalui aktiviti ini mereka mendapat kesedaran untuk mengubah sikap dan tingkah laku sebagai seorang pelajar yang berakhhlak mulia iaitu sebanyak 40% (16 orang) menyatakan sedemikian. Sebahagian lagi iaitu sebanyak 35% (14 orang) responden menyatakan bengkel ini memberi kesan kepada mereka kerana mereka merasa lebih berkeyakinan dengan diri sendiri untuk mendapat kejayaan. Sebanyak 25% (10 orang) responden pula menyatakan mereka lebih bersemangat untuk berjaya setelah mengikuti Bengkel Motivasi ini.


II) Kelas Agama dan Fardu ‘Ain (KAFA)

i) Perlaksanaan Kelas Agama dan Fardu ‘Ain (KAFA)

Bagi aktiviti Kelas Agama dan Fardu ‘Ain (KAFA) pula sebanyak 45% (18 orang) responden berpendapat ia dilaksanakan dengan baik berbanding 22.5% (9 orang) responden menyatakan sangat baik. Manakala hanya 12.5% (5 orang) responden

menyatakan perlaksanaan aktiviti adalah sederhana. Selebihnya iaitu 20% (8 orang) responden adalah berkecuali kerana mereka adalah non-muslim dan tidak mengikuti aktiviti ini. Rajah di bawah menerangkan hal ini.

Rajah 4.5 (f): Perlaksanaan Kelas Agama dan Fardhu ‘Ain (KAFA)



Sumber: Soal selidik


ii) Pandangan Terhadap Ceramah Agama

Ceramah agama merupakan antara pengisian aktiviti dalam menjayakan aktiviti KAFA ini. Hasil analisa mendapati responden paling ramai menyatakan penyampaian ceramah agama ini adalah baik iaitu sebanyak 42.5% (17 orang). Sebanyak 30% (12 orang) responden pula menyatakan sangat baik berbanding 7.5% (3 orang) responden berpendapat sederhana mengenai penyampaian ceramah agama ini.

Dari perhatian penulis, ceramah agama ini telah diadakan selepas sembahyang zohor secara berjemaah. Di sini Ketua Fasilitator iaitu Saudara Rozaidi Ishak telah memberi penjelasan dan membetulkan kefahaman terhadap perkara-perkara

asas fardu ‘ain yang merangkumi aspek bersuci, sembahyang, rukun-rukun Islam dan rukun-rukun Iman. Rajah di bawah menerangkan perihal tersebut.


Rajah 4.5 (g): Pandangan Terhadap Ceramah Agama



Sumber: Soal selidik

iii) Pandangan Terhadap Latihan Amali (Praktikal)

Rajah 4.5 (l): Pandangan Terhadap Latihan Amali (Praktikal)



Sumber: Soal selidik

Latihan amali ini amat penting untuk mengetahui sejauhmanakah para pelajar faham terhadap perkara yang dituntut terhadap mereka untuk melaksanakannya sebagai hamba Allah S.W.T. Hasil analisa menunjukkan sebanyak 45% (18 orang) responden menyatakan perlaksanaan latihan amali baik diikuti 27.5% (11 orang) responden menyatakan sangat baik. Hanya 7.5% (3 orang) responden sahaja menyatakan perlaksanaan latihan amali ini sederhana. Selebihnya iaitu sebanyak 20% (8 orang) responden adalah berkecuali.

Sepanjang pemerhatian penulis mendapati setiap fasilitator bertindak sebagai pemudahcara untuk memperbaiki dan memperbetulkan kefahaman para pelajar terhadap perkara-perkara fardu ‘ain. Dalam hal ini para pelajar telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil untuk memastikan sejauhmanakah mereka benar-benar memahami perkara-perkara asas fardu ‘ain yang diterangkan dalam ceramah agama tadi. Pelajar-pelajar telah diberi tunjuk ajar secara praktikal tentang ibadah sembahyang, berwudu’, bertayammum dan sebagainya.

iv) Keberkesanan Kelas Agama dan Fardu ‘Ain (KAFA) Terhadap Pelajar

Jadual 4.5 (j): Keberkesanan Kelas Agama dan Fardu ‘Ain (KAFA) Terhadap Pelajar

Keberkesanan	Kuantiti	Peratus
Dapat memantapkan iman terhadap Allah	8	20.0
Dapat menambahkan pengetahuan terhadap perkara-perkara fardu ‘ain	13	32.5
Memberi tunjuk ajar secara amali terhadap perkara ibadat seperti sembahyang, berwudu’ dan bertayammum	8	20.0
Dapat membentuk sahsiah pelajar yang berakhhlak mulia sebagai seorang muslim	3	7.5
Jumlah	32	100%

Sumber: Soal selidik

Bagi melihat sejauhmanakah KAFA berjaya memberi manfaat kepada para pelajar, maka ia dapat dilihat apakah keberkesanan yang dapat diberikan kepada mereka. Dalam hal ini sebanyak 32.5 % (13 orang) responden menyatakan melalui aktiviti KAFA mereka dapat menambahkan pengetahuan terhadap perkara-perkara fardu ‘ain. Sebahagiannya pula menyatakan ia dapat memantapkan iman terhadap Allah S.W.T dan memberi tunjuk ajar secara amali terhadap perkara ibadat seperti sembahyang, berwudu’ dan bertayammum yang mana kedua-duanya menunjukkan taburan seimbang iaitu masing-masing 20% (8 orang) responden. Selebihnya iaitu sebanyak 7.5% (3 orang) responden pula menyatakan aktiviti KAFA ini juga dapat membentuk sahsiah pelajar yang berakhlik mulia sebagai seorang muslim.

III) Sukaneka, Gotong-Royong, Kenduri Sekampung, Ziarah dan Ramah Mesra serta Malam Seribu Kenangan.

Secara umum untuk mengetahui sejauhmanakah Program Perkampungan Kekeluargaan ini benar-benar memberi keberkesanan kepada masyarakat, maka penulis turut menemuramah secara informal dengan penduduk-penduduk kampung dengan tujuan mereka dapat memberi reaksi sebenar terhadap aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan.

Responden pertama menyatakan bahawa melalui aktiviti-aktiviti seperti sukaneka, gotong-royong, kenduri sekampung, ziarah dan ramah mesra serta malam seribu kenangan dapat mengeratkan hubungan antara mahasiswa dengan masyarakat kampung. Di samping itu dengan melibatkan dalam aktiviti-aktiviti tersebut secara tidak

langsung dapat memupuk sikap tolong-menolong, bekerjasama dan saling hormati-menghormati antara satu sama lain.¹⁶

Manakala responden kedua pula menyatakan melalui pengisian aktiviti-aktiviti tersebut secara tidak langsung dapat merapatkan lagi hubungan antara penduduk-penduduk kampung di dalam mukim ini sendiri yang sememangnya sudah sedia terjalin. Ini amat penting kerana walaupun mereka berada dalam satu mukim tetapi peluang untuk sentiasa bersama-sama antara mereka sendiri jarang diperolehi. Ini disebabkan oleh jarak antara satu kampung dengan kampung lain agak jauh. Maka peluang ini amat dihargai kerana dapat mengeratkan lagi silaturrahim antara satu sama lain.¹⁷

Memetik kata-kata ucapan Pegawai Daerah Jerantut, Encik Abdul Aziz Hj.Ahmad¹⁸ semasa Majlis Perasmian Pembukaan program ini yang menyatakan bahawa dengan adanya penglibatan mahasiswa yang berusaha untuk mendekatkan antara mahasiswa dengan masyarakat kampung, ia akan memberi suatu pemangkin kepada usaha-usaha kerajaan untuk membangunkan sektor luar bandar. Ini bermakna sedikit sebanyak masyarakat kampung mendapat perhatian dari pihak yang bertanggungjawab untuk melihat sendiri realiti segala permasalahan yang dialami oleh mereka selama ini.

¹⁶ Temubual secara informal dengan penduduk Kampung Damak pada 24 Oktober 2001, jam 5.35 petang.
¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ Ucapan Pegawai Daerah Jerantut, Encik Abdul Aziz Hj.Ahmad semasa Majlis Perasmian Pembukaan Program Perkampungan Kekeluargaan, pada 20 Oktober 2001, jam 3.50 petang di Sekolah Menengah Kebangsaan Damak, Jerantut.

4.6. MASALAH YANG DIHADAPI SEMASA MENJALANKAN PROGRAM PERKAMPUNGAN KEKELUARGAAN

I) Sumber Kewangan

Dalam melaksanakan sesuatu aktiviti, sumber kewangan merupakan aset utama bagi memastikan sesuatu aktiviti yang dirancang akan terlaksana sebaik mungkin dan menepati objektif yang telah digariskan. Dalam menjalankan Program Perkampungan Kekeluargaan ini, penulis dapat secara kasar sumber kewangan merupakan masalah utama. Memang tidak dinafikan bahawa program ini memerlukan peruntukan yang besar kerana terdapat sembilan pengisian aktiviti yang hendak dilaksanakan sekaligus. Tambahan pula program seperti ini adalah satu usaha untuk mencurah bakti kepada masyarakat luar bandar.

Walaupun mendapat sumbangan yang telah diperuntukkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), tetapi pihak penganjur perlu mencari sekaligus mendapatkan tajaan dari luar bagi memantapkan sumber kewangan yang sedia ada bagi memastikan program ini berjalan lancar.¹⁹

Merujuk masalah yang dapat dikesan dalam sumber kewangan ini, ia mula timbul apabila pada peringkat awal lagi apabila terdapat segelintir pihak-pihak tertentu yang bersetuju untuk memberi sedikit sumbangan atau peruntukan bagi program ini. Hal ini menyebabkan pihak penganjur mula merangka gerakkerja sebaik mungkin sejajar dengan peruntukan-peruntukan yang diharapkan itu. Walau bagaimanapun setelah gerakkerja program hampir dilaksanakan di tapak sasaran, pihak-pihak tersebut mula

¹⁹ Temubual dengan Rohana bt. Mustapha, Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif 2, Program Perkampungan Kekeluargaan, pada 18 Oktober 2001, jam 11.45 pagi di Sekretariat INTIM, Kompleks Perdana Siswa, Universiti Malaya.

menarik diri dan tidak dapat menunaikan janji mereka itu. Ini menyebabkan berlakunya sedikit kekalutan bagi pihak penganjur untuk mencari alternatif bagaimana untuk memastikan kesemua pengisian aktiviti yang dirangka berjaya dilaksanakan sepetimana yang dirancang dan diharapkan pada peringkat awal gerakkerja lagi, sedangkan pada masa yang sama terdapat pihak-pihak tertentu yang menjanjikan ingin memberi sumbangan telah menarik diri.²⁰

Namun semangat yang berkobar-kobar sedikitpun tidak mematahkan semangat mereka untuk terus mencerahkan bakti kepada masyarakat. Walaupun sedang berada di tapak program iaitu di Mukim Ulu Cheka, penulis perhatikan PMUM selaku pihak penganjur terus bergerak mencari alternatif bagi mendapat sumbangan kewangan. Penulis difahamkan pihak penganjur turut mengeluarkan wang poket masing-masing demi menjayakan Program Perkampungan Kekeluargaan ini.

Pihak penganjur mula menarik nafas lega apabila Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah berkenan mencemar duli ke tapak program dengan hasrat untuk melihat lebih dekat lagi perjalanan program ini dilaksanakan. Baginda telah sudi menghulurkan sumbangan peribadi bagi memastikan agar semua aktiviti yang dirancang di dalam program ini benar-benar berjaya dapat dilaksanakan. Sumbangan ini sedikit sebanyak telah melegakan hati pihak penganjur agar apa yang dirancang dapat berjalan dengan lancar.²¹

²⁰ Temubual dengan Mohd. Hasdi b. Mohamed, Ketua Pengarah Ekssekutif Program Perkampungan Kekeluargaan, pada 18 Oktober 2001, jam 12.20 tengahari, di Sekretariat INTIM, Kompleks Perdana Siswa, Universiti Malaya.

²¹ Temubual dengan Rohana bt. Mustapha, Timbalan Ketua Pengarah Program Perkampungan Kekeluargaan, pada 23 Oktober 2001, jam 4.50 petang di Sekolah Menengah Kebangsaan Damak, Jerantut, Pahang.

Apa yang lebih penting ialah disebalik kerumitan inilah yang dijadikan kayu pengukur sejauhmanakah kepintaran pihak penganjur untuk membuktikan bahawa mahasiswa boleh memimpin organisasi dalam menangani masalah yang timbul.

II) Kerjasama dari Ahli Jawatankuasa (AJK)

Secara umum Ahli Jawatankuasa (AJK) yang dilantik telah memberi kerjasama dan komitmen yang baik dalam melakukan gerakkerja program ini. Walau bagaimanapun terdapat segelintir AJK yang dilantik tidak memberikan kerjasama dipertengahan gerakkerja dilakukan sedangkan penulis difahamkan mereka ini dipilih melalui sesi temuduga. Ini bermakna perlantikan mereka bukanlah atas dasar paksaan sebaliknya mereka secara sukarela untuk turut serta melaksanakan program ini. Tetapi setelah dipilih dan dilantik sekaligus memegang amanah yang dipertanggungjawabkan dalam menjayakan Program Perkampungan Kekeluargaan ini, segelintir AJK ini tidak memberi kerjasama yang sewajarnya seperti yang diharapkan. Apa yang lebih merumitkan mereka menghilangkan diri begitu sahaja tanpa memaklumkan terlebih dahulu penarikan diri kepada Jawatankuasa Induk. Walaupun hanya terdapat beberapa orang sahaja bersikap sedemikian, namun sedikit sebanyak turut menjelaskan kelancaran gerakkerja yang dirancang.²²


Selain itu menurut Siti Musliha bt. Md. Noor selaku Ketua Setiausaha Eksekutif Program Perkampungan Kekeluargaan, penempatan AJK bersama keluarga angkat turut menyebabkan timbul kesulitan untuk mereka berhubung dengan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Pelaksana yang ditempatkan di Pusat Kegiatan Guru (PKG) di Sekolah Rendah Damak. Penempatan AJK dalam keluarga angkat seharusnya

²² Temubual dengan Mohd. Hasdi b. Mohamed, Ketua Pengarah Eksekutif Program Perkampungan Kekeluargaan, pada 18 Oktober 2001, jam 12.20 tengahari, di Sekretariat INTIM, Kompleks Perdana Siswa, Universiti Malaya.

ditempatkan berhampiran atau sekitar dengan penempatan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Pelaksana bagi memudahkan mereka sama-sama melaksanakan gerakkerja yang dirancang.²³

III) Jarak Antara Rumah Keluarga Angkat Dengan Tapak Program

Rajah 4.6 (a): Jarak Antara Rumah Keluarga Angkat Dengan Tapak Program



Sumber: Soal selidik

Sepanjang pemerhatian penulis, antara yang menimbulkan kesulitan bagi para peserta semasa mengikuti Program Perkampungan Kekeluargaan ialah jarak antara rumah keluarga angkat dengan tempat projek untuk dilaksanakan aktiviti-aktiviti yang dirancang. Ini kerana program ini melibatkan tujuh buah kampung yang mana jarak antara satu kampung dengan kampung lain adalah agak jauh walaupun berada dalam satu mukim. Ini terbukti apabila hasil analisa menunjukkan 47.1% (33 orang) responden menyatakan kurang memuaskan berbanding 30% (21 orang) responden berpendapat memuaskan jarak antara rumah keluarga angkat dengan tapak program. Manakala

²³ Temubual dengan Siti Musliha bt. Md. Noor, Ketua Setiausaha Eksekutif Program Perkampungan Kekeluargaan, pada 27 Oktober 2001, jam 11.50 pagi, bertempat di Padang Kampung Koi ketika Majlis Perasmian Penutup.

12.9% (9 orang) responden pula menyatakan tidak memuaskan dan hanya 10% (7 orang) responden sahaja berpendapat ia amat memuaskan.

Keadaan ini turut menyebabkan segelintir Ahli Jawatankuasa (AJK) program yang ditempatkan di rumah keluarga angkat yang jauh dengan tapak program agak sukar membuat gerakkerja yang telah diamanahkan kepada mereka. Ini kerana pada masa yang sama AJK juga merupakan peserta program dan tinggal bersama keluarga angkat masing-masing sedangkan Jawantankuasa Induk dan Jawatankuasa Pelaksana yang merupakan Majlis Tertinggi dalam program ini pula ditempatkan di Pusat Kegiatan Guru di Sekolah Rendah Kebangsaan Damak bagi memudahkan mereka melakukan gerakkerja yang dirancang.²⁴

Maka pemisahan penempatan antara AJK dengan Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Pelaksana sedikit sebanyak menimbulkan kesulitan dalam menyampaikan perubahan maklumat atau tugasan terkini terhadap AJK-AJK yang telah ditetapkan bidang tugas mereka.


IV) Pengangkutan yang disediakan

Walaupun pihak penganjur telah menyediakan sebuah bas khas sepanjang program ini dijalankan, tetapi ia turut menyukarkan kepada para peserta kerana kadang-kadang terpaksa menunggu lama kerana penghantaran peserta adalah mengikut kampung ke kampung. Ini menyebabkan mereka terpaksa menaiki bas awam khususnya bagi keluarga angkat yang tidak mempunyai kenderaan sendiri. Namun begitu penulis perhatikan terdapat juga peserta membongceng motosikal bersama ahli keluarga angkat

²⁴ *Ibid.*

mereka. Tetapi apa yang menimbulkan kesulitan ialah peserta perempuan kerana batasan aurat bukan muhrim mereka untuk membongceng motosikal. Oleh sebab itulah kebanyakan mereka terpaksa berjalan kaki jika tiada bas awam semasa program dijalankan. Setelah dianalisa didapati sebanyak 45.7% (32 orang) responden menyatakan kurang memuaskan berbanding 35.7% (25 orang) responden berpendapat memuaskan terhadap pengangkutan yang disediakan oleh pihak pengangur. Selebihnya iaitu 11.4% (8 orang) responden dan 7.1% (5 orang) responden pula masing-masing menyatakan tidak memuaskan dan amat memuaskan dalam hal ini. Keterangan terperinci dapat dijelaskan seperti rajah berikut:

Rajah 4.6 (b): Pengangkutan yang disediakan



Sumber: Soal selidik

4.7 KESIMPULAN

Secara kesimpulan, Program Perkampungan Kekeluargaan ini adalah program yang mendatangkan manfaat sama ada pendekatan mahupun pengisiannya yang disediakan khusus kepada mahasiswa dan masyarakat. Kesemua pengisian aktiviti yang disusun dalam program ini adalah bertujuan untuk memberi khidmat kepada masyarakat di samping mengeratkan hubungan antara mahasiswa dan masyarakat khususnya di luar bandar.